

PROGRAM MEMBAIK PULIH PUSAT KOMUNITI JKKKP JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG PERAI TENGAH LIBATKAN 40 ORANG KOR SUKARELAWAN iM4U PSP

17.3.2015 Ahad : iM4U Outreach Centre dengan kerjasama KOR Sukarelawan iM4U PSP dan JKKKP Jalan Tun Hussein Onn telah menganjurkan Program Membaik Pulih Pusat Komuniti JKKKP Jalan Tun Hussein Onn, Seberang Perai Tengah. Program Sukarelawan Membaik Pulih Rumah/ Pusat ini juga merupakan program *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* untuk menggerakkan sumber intelektual dan sumber fizikal di IPT untuk membantu masyarakat. Peserta-peserta terdiri daripada pelajar IPT di Pulau Pinang yang akan melaksanakan kerja-kerja kesukarelaan dalam kalangan komuniti. Objektif pelaksanaan program ini termasuk untuk menggalakkan penyertaan pelajar IPT dalam aktiviti yang berbentuk kesukarelaan dan membuka peluang kepada pelajar IPT untuk berkhidmat kepada masyarakat yang memerlukan bantuan.

Secara keseluruhannya, peserta yang terlibat ialah seramai 50 orang iaitu 10 orang dari lokasi yang merupakan Ahli Jawatankuasa JKKKP Jalan Tun Hussein Onn, dan 40 orang yang terdiri daripada KOR Sukarelawan PSP. Program ini telah berlangsung pada 15 Mac 2015. Turut hadir ialah Encik Sulaiman Bin Abdullah dari PSP dan Encik Mohamed Bin Yahaya selaku Pengerusi JKKKP Jalan Hussein Onn.

Para peserta yang terdiri daripada sukarelawan iM4U Politeknik Seberang Perai mendapat pembelajaran bahawa kerja sukarela adalah berasaskan dan bersumberkan manusia biasa melalui sumber-sumber budaya, moral, semangat kekitaan, kemahiran teknikal, kepimpinan, rangkaian perhubungan serta tenaga fizikal. Mereka diberi peluang terlibat secara langsung dalam kerja mulia untuk masyarakat dan kemanusiaan ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang penyayang dan sejahtera. Program ini juga dapat mengasah bakat pengurusan yang boleh meningkatkan nilai kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja kelak.

GALERI GAMBAR



Para sukarelawan mengeluarkan barangan dari dalam bangunan sebelum kerja-kerja pembaikan dilakukan



Para sukarelawan berganding tenaga membersihkan dan mengecat pusat komuniti